

AKADEMIA KKS

E-BULETIN AKADEMIK KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT



Artikel Utama

Program Pembangunan Pendidikan Anak-anak Asnaf Daerah Segamat : Program TVETPreneurship Usahawan Teknologi Retort



Program Upaya Bakat 2024 Usahawan Mini Café Barista

SAMPLE ONLY
978-1-78280-808-4



07 - 943 1633

07-943 6075

upikkks@kksegamat.mypolycc.edu.my

Kolej Komuniti Segamat, 24-34, Jalan Putra 1/1, Bandar IOI, 85000 Segamat, Johor

e-Buletin

AKADEMIA KKS

TERBITAN EDISI 2024

Ditebitkan oleh:

KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT,

24-34, Jalan Putra 1/1, Bandar IOI, 85000 Segamat, Johor

SAMPLE ONLY

978-1-78280-808-4



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial Kolej Komuniti Segamat terlebih dahulu

KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT

kksegamat.mypolycc.edu.my



2°29'39.5"N 102°51'59.0"E



07-9431633



upikkks@kksegamat.mypolycc.edu.my



SIDANG REDAKSI

PENAUNG
ZAHID BIN DAIM

PENASIHAT I
TS. NAZILA BINTI MASDOR

PENASIHAT II
TS. AMIER HAFIZUN BIN AB RASHID

KETUA EDITOR
NAZRA BINTI ISMAIL

EDITOR
FIRDAUS BIN BACHOK @ EMBOK WALANG
RUSNANI BINTI YAHYA

REKA BENTUK GRAFIK
NAZRA BINTI ISMAIL

PEMBACA PRUF
SITI SAIDATUL AKHMAL BIN MOHD

Sekilas Info Kolej Komuniti Segamat

Kolej Komuniti Segamat (KKS) mula beroperasi pada Jun 2001 di kampus sementara di Sekolah Menengah Teknik Segamat (SMT) sebelum berpindah ke kampus tetap di Bandar IOI, Segamat pada bulan Ogos 2002.

KKS menawarkan persekitaran pembelajaran yang kondusif, dimana infrastruktur dan fasilitinya sentiasa menyokong pembangunan pendidikan yang sentiasa mengalami transformasi saban tahun. Pelbagai kemudahan disediakan untuk kemudahan para pelajar seperti bilik kuliah, makmal, bengkel, kemudahan IT, kenderaan, perpustakaan, surau dan banyak lagi.

Tenaga pengajar yang bertauliah dan kakitangan sokongan yang sentiasa komited menyokong perkembangan KKS ke arah kecemerlangan baik dari aspek akademik, sukan & rekreasi, pembelajaran sepanjang hayat, penyelidikan & inovasi, khidmat sosial dan juga keusahawanan.

Aluan Pengarah KK Segamat

Saya dengan penuh rasa syukur ingin mengucapkan tahniah kepada semua warga kolej yang telah memberikan komitmen tinggi dalam menjayakan pelbagai program pemindahan ilmu dan teknologi sepanjang tahun ini.

Dalam edisi buletin ini, kita akan menelusuri pelbagai pencapaian program yang KKS anjurkan oleh Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat, program pengajian dan unit-unit lain yang dilaksanakan bagi memperkukuhkan lagi peranan kolej sebagai penyedia latihan TVET dan pusat pembelajaran sepanjang hayat yang dinamik. Saya berharap agar buletin ini dapat menjadi sumber inspirasi dan motivasi kepada semua untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan.

Sekian, terima kasih.

ZAHID BIN DAIM
Pengarah
Kolej Komuniti Segamat

Senarai Kandungan

1

Program Pembangunan Pendidikan Anak-anak Asnaf Daerah Segamat : Program TVETPreneurship Usahawan Teknologi Retort



Program Upaya Bakat 2024

2

Usahawan Mini Café Barista



3

Jahitan Baju Kebarong

4

Penghasilan Surimi (Set Yong Tau Fu)



5

Inovasi EZYDOST UJK

6

Inovasi Sweeper 3.0

7

Program Transfer Knowledge Program SMN

8

Kursus Bacaan Al Quran Bertajwid

9

Kursus *Creative Design With Canva*

10

Kursus Pengkomersialan dan TTO Produk & Perkhidmatan Peringkat Politeknik Dan Kolej Komuniti Zon Johor



UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

PROGRAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN ANAK-ANAK ASNAF DAERAH SEGAMAT : PROGRAM TVETPRENEURSHIP USAHAWAN TEKNOLOGI RETORT

Oleh: Nazra Ismail

1.0 PENGENALAN

Seiring dengan Agenda Transformasi Politeknik dan Kolej Komuniti (PolyCC) 2023-2027 iaitu Perluasan Akses, Kolej Komuniti Segamat telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan sebuah program pembangunan usahawan berteraskan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang mensasarkan golongan asnaf di Daerah Segamat. Cadangan untuk pelaksanaan kerja ini telah dimajukan kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dan telah diluluskan sejumlah peruntukan kewangan setelah menjalani sesi pembentangan bersama pihak eksekutif MAINJ.

Program TVETPreneurship Usahawan Teknologi Retort adalah merupakan sebuah program yang melatih peserta daripada kalangan asnaf untuk menjadi usahawan dalam bidang penghasilan produk makanan menggunakan teknologi retort. Teknologi retort adalah kaedah penstrilan makanan untuk memastikan sesuatu produk makanan kekal segar sehingga dua (2) tahun, tanpa sebarang penggunaan pengawet.

Program ini telah dianjurkan dengan jayanya pada Februari hingga April 2024 iaitu selama 52 hari bertempat di Kolej Komuniti Segamat. Seramai enam peserta telah dipilih untuk menyertai program ini melalui saringan temuduga.



PROGRAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN ANAK-ANAK ASNAF DAERAH SEGAMAT : PROGRAM TVETPRENEURSHIP USAHAWAN TEKNOLOGI RETORT

2.0 MATLAMAT

Program Pembangunan Anak-anak Asnaf Daerah Segamat ini dianjurkan dengan matlamat utama meningkatkan taraf ekonomi golongan asnaf Daerah Segamat dan melahirkan golongan asnaf yang berupaya mengeluarkan zakat pendapatan.

3.0 OBJEKTIF

Objektif program ini adalah seperti berikut:

- Meningkatkan bilangan asnaf berkemahiran dalam bidang teknologi retort.
- Membangunkan usahawan asnaf yang kompeten dan boleh menghasilkan pendapatan sendiri.
- Meningkatkan pencapaian Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Segamat dalam melatih komuniti berkemahiran.
- Menjalinkan kolaborasi antara Kolej Komuniti Segamat, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dan Majlis Agama Islam Daerah Segamat.

4.0 IMPAK PROGRAM

Antara impak yang diperolehi hasil penganjuran program ini ialah:

- Meningkatkan pencapaian KPI KKS bagi enrolmen kursus pendek PSH di KKS.
- Menggalakkan dan membudayakan peningkatan kemahiran keusahawanan asnaf dari komuniti setempat.
- Menambahkan usahawan asnaf daerah Segamat yang kompeten dan boleh menghasilkan pendapatan sendiri juga menambahkan pendapatan sedia ada.
- Mewujudkan jalinan mesra antara Kolej Komuniti Segamat bersama golongan asnaf dan Majlis Agama Islam Negeri Johor.

PROGRAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN ANAK-ANAK ASNAF DAERAH SEGAMAT : PROGRAM TVETPRENEURSHIP USAHAWAN TEKNOLOGI RETORT

5.0 ANALISIS DATA KEBERKESANAN

Seramai enam orang responden yang merupakan peserta program telah menjawab soal selidik ini. Jadual 1 menunjukkan pecahan respon dari dua bahagian penilaian, iaitu Penilaian Pelaksanaan Kursus dan Penilaian Penyampaian Modul Teknologi Retort.

Penilaian	Item	Lemah	Sederhana	Baik	Amat Baik
Pelaksanaan Kursus	Kandungan kursus mencapai objektif	0%	50%	50%	0%
	Cara penyampaian menarik	0%	16.7%	66.7%	16.7%
	Kandungan kursus teratur	16.7%	66.7%	16.7%	0%
	Tempat kursus sesuai	0%	33.3%	50%	16.7%
	Peralatan kursus yang disediakan mencukupi	0%	16.7%	66.7%	16.7%
	Tempoh kursus mencukupi	0%	33.3%	66.7%	0%
	Penyampaian Modul	Peningkatan pengetahuan	0%	0%	83.3%
Peningkatan kemahiran		0%	0%	100%	0%
Keyakinan mengaplikasikan apa yang dipelajari		0%	0%	100%	0%
membantu peningkatan kerjaya saya		0%	0%	100%	0%
membantu saya untuk memulakan perniagaan		0%	16.7%	66.7%	16.7%
membantu saya untuk mengembangkan perniagaan		0%	0%	83.3%	16.7%

Secara keseluruhan, semua peserta bersetuju dengan penyampaian modul teknologi retort meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta, dan yakin untuk mengaplikasikan pengetahuan dalam kerjaya mereka sebagai usahawan retort. Namun, kebanyakan peserta menunjukkan respon yang lemah dan sederhana dalam item kandungan kursus teratur. Ini mungkin disebabkan jadual modul yang terlalu padat menyebabkan peserta berasa terlalu banyak pengisian dalam tempoh berkursus.

PROGRAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN ANAK-ANAK ASNAF DAERAH SEGAMAT : PROGRAM TVETPRENEURSHIP USAHAWAN TEKNOLOGI RETORT

6.0 PENUTUP

Secara keseluruhan, program berjalan lancar. Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), Kolej Komuniti Segamat berharap agar Program TVETpreneurship Usahawan Teknologi Retort anjuran bersama pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) ini dapat melahirkan lebih ramai usahawan dalam bidang penghasilan produk makanan menggunakan teknologi retort di Daerah Segamat yang berjaya dan berdaya saing.



UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

PROGRAM PEMBANGUNAN UPAYA BAKAT KK SEGAMAT : PROGRAM USAHAWAN MINI CAFE BARISTA

Oleh: Noreles Ali, Salasiah Amin dan Norashikin Samah

1.0 PENGENALAN

Program Usahawan Mini Cafe Barista merupakan sebuah program yang memberi latihan pemantapan kerjaya kepada usahawan dalam bidang makanan dan minuman (FNB). Pengembangan rangkaian kedai kopi nasional dan tempatan seperti OldTown White Coffee, kafe jenama terkenal global seperti Starbucks dan The Coffee Bean & Tea Leaf meningkatkan daya tarikkannya kepada komuniti untuk mengusahakan kedai kopi tempatan. Program ini telah memberi latihan daripada 'zero' bagaimana mengusahakan kedai kopi yang berdaya saing dengan resepi yang hebat, pemilihan peralatan yang tepat dan promosi yang berkesan supaya usahawan mini cafe barista dapat memberi saingan sengit kepada kedai kopi lain.

Program ini bukan sahaja telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dalam kalangan komuniti Daerah Segamat, malah terdapat ramai pemohon dari luar Daerah Segamat yang memohon untuk mengikuti program ini.

Program ini telah berlangsung selama sembilan hari, dari 24 Jun 2024 hingga 2 Julai 2024. Seramai 21 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai latar belakang telah menghadiri kursus dengan jayanya.

2.0 MATLAMAT

Matlamat program ini adalah bertujuan untuk melengkapkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya sebagai usahawan mini cafe barista.

3.0 OBJEKTIF

Objektif program ini adalah seperti berikut:

- Membudayakan peningkatan ilmu dan kemahiran dalam bidang barista kepada komuniti setempat
- Menghasilkan usahawan cafe barista berkemahiran
- Memberi idea dan galakan dalam meningkatkan pendapatan komuniti setempat
- Meningkatkan unsur kerjasama dan bahagia dalam kalangan warga Komuniti Segamat dan komuniti setempat
- Mencapai KPI PSH Kolej Komuniti Segamat

PROGRAM PEMBANGUNAN UPAYA BAKAT KK SEGAMAT : PROGRAM USAHAWAN MINI CAFE BARISTA

4.0 IMPAK

Impak program ini dianjurkan adalah:

- *Peningkatan Kemahiran Individu :*
Peserta dapat meningkatkan kemahiran dalam bidang, membuka peluang perniagaan atau peningkatan kerjaya.
- *Peningkatan Pendapatan dan Ekonomi :*
Kemahiran yang diperoleh dapat meningkatkan peluang ekonomi individu dan komuniti melalui perniagaan dalam bidang barista atau peningkatan pendapatan dengan menjadi pekerja mahir barista
- *Hubungan Erat dengan Komuniti :*
Rangsangan kerjasama dan keterlibatan komuniti, memperkuatkan hubungan masyarakat dan membangun persekitaran positif.
- *Peningkatan Kesedaran Komuniti :*
Meningkatkan kesedaran tentang pelbagai peluang pembangunan bakat melalui PSH, memotivasi lebih banyak peserta untuk terlibat dalam program serupa di masa hadapan.

5.0 ANALISIS KEBERKESANAN PROGRAM

Berikut merupakan analisis keberkesanan program:

5.1. Pelaksanaan Program

Perkara	Item	Min
Penyampaian isi kandungan mencapai objektif	A1	3
Cara penyampaian menarik	A2	3
Kandungan kursus teratur	A3	3
Tempat kursus sesuai	A4	3
Penyampaian jelas dan difahami	A5	3
Masa dan tempoh kursus mencukupi	A6	3

Analisis menunjukkan bahawa Item A1-A6 mendapat skor min yang sangat tinggi. Ini menunjukkan penyampaian penceramah dalam melaksanakan program ini amat jelas dan difahami oleh peserta program.



PROGRAM PEMBANGUNAN UPAYA BAKAT KK SEGAMAT : PROGRAM USAHAWAN MINI CAFE BARISTA

5.2 Keberkesanan Program

Perkara	Sebelum		Selepas		Julat
	Item	Min	Item	Min	
Pengetahuan dalam bidang kursus	B1	2	L1	3	1
Kemahiran dalam bidang kursus	B2	2	L2	3	1
Yakin menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari	B3	2	L3	3	1
Membantu peningkatan kerjaya	B4	2	L4	3	1
Membantu memulakan perniagaan	B5	2	L5	3	1
Membantu mengembangkan perniagaan	B6	2	L6	3	1

Analisis menunjukkan bahawa Item B1-B6 mendapat julat skor min yang sangat rendah . Ini menunjukkan bahawa kursus ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam kursus yang ditawarkan.

6.0 Penutup

Program Usahawan Mini Barista ini secara keseluruhannya telah berjaya dianjurkan dengan baiknya hasil pengurusan penganjur, kerjasama dari penceramah jemputan dan komitmen peserta yang sangat tinggi sepanjang kursus berlangsung.



UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

PROGRAM PEMBANGUNAN UPAYA BAKAT KK SEGAMAT : JAHITAN BAJU KEBARONG

Oleh: Norashikin Samah, Salasiah Amin dan Noreles Ali

1.0 PENGENALAN

Program pembuatan baju kebarong adalah sebuah program khas untuk melatih komuniti dalam bidang fesyen dan pakaian terutamanya kepada komuniti yang baru berjinak-jinak dengan bidang jahitan.

Sepanjang program berlangsung, peserta telah dilatih dengan asas jahitan seperti cara mengukur badan, menggunakan mesin jahitan dan menggunakan kertas pola untuk menghasilkan model baju kebarong yang terkini.



Peserta bergaya dengan hasil produk tugas modul yang telah diberi

3.0 OBJEKTIF PROGRAM

- Membudayakan peningkatan ilmu dan kemahiran kepada komuniti setempat.
- Menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran peserta dalam kursus yang disertai serta dapat dimanfaatkan serta diaplikasikan setelah tamat kursus.
- Menjalinkan hubungan yang erat dalam kalangan warga Kolej Komuniti Segamat dan komuniti setempat.
- Memberi idea dan galakan dalam meningkatkan pendapatan komuniti setempat.
- Meningkatkan unsur kolaborasi dalam kalangan warga Kolej Komuniti Segamat dan komuniti setempat.

Peserta juga dilatih dengan reka bentuk fesyen terkini yang menarik dalam menghasilkan baju kebarong. Harapan program ini ialah agar ilmu dan kemahiran yang diberi mampu memberi manfaat dan meningkatkan pendapatan komuniti.

Program ini telah berlangsung selama dua hari, iaitu pada 5 dan 6 Jun 2024 di Kolej Komuniti Segamat. Seramai 15 orang peserta yang terdiri daripada golongan wanita telah menyertai program ini dengan jayanya.

2.0 MATLAMAT

Matlamat penganjuran program ini adalah:

- Meningkatkan kemahiran teknikal
- Menghasilkan produk jahitan berkualiti
- Meningkatkan peluang pekerjaan
- Membina keyakinan dan kreativiti
- Menggalakkan pembangunan usahawan



PROGRAM PEMBANGUNAN UPAYA BAKAT KK SEGAMAT : JAHITAN BAJU KEBARONG

4.0 IMPAK

Impak program yang dijalankan adalah:

- Meningkatkan pencapaian KPI KKS bagi enrolmen kursus pendek PSH
- Menggalakkan dan membudayakan peningkatan kemahiran warga Kolej Komuniti Segamat dan komuniti setempat.
- Menambahkan ilmu pengetahuan serta meningkatkan kemahiran peserta dalam kursus yang disertai.
- Memberi idea dan galakan dalam meningkatkan pendapatan komuniti setempat.
- Menjalinkan hubungan yang bahagia dan gembira dalam kalangan warga KKS dan komuniti setempat.

5.0 ANALISIS KEBERKESANAN PROGRAM

Berikut merupakan analisis keberkesanan program:

5.1 Pelaksanaan Program

Perkara	Item	Min
Penyampaian isi kandungan mencapai objektif	A1	3
Cara penyampaian menarik	A2	4
Kandungan kursus teratur	A3	3
Tempat kursus sesuai	A4	4
Penyampaian jelas dan difahami	A5	4
Masa dan tempoh kursus mencukupi	A6	3



Analisis menunjukkan bahawa Item A1,A3 dan A6 mendapat skor min yang tinggi manakala Item A2, A4 dan A5 mendapat skor min yang sangat tinggi . Ini menunjukkan penyampaian pensyarah dalam melaksanakan kursus ini amat jelas dan difahami oleh peserta kursus.

5.2 Keberkesanan Program

Perkara	Sebelum		Selepas		Julat
	Item	Min	Item	Min	
Pengetahuan dalam bidang kursus	B1	2	L1	3	1
Kemahiran dalam bidang kursus	B2	2	L2	3	1
Yakin menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari	B3	2	L3	3	1
Membantu peningkatan kerjaya	B4	2	L4	3	1
Membantu memulakan perniagaan	B5	2	L5	3	1
Membantu mengembangkan perniagaan	B6	2	L6	3	1

6.0 PENUTUP

Secara keseluruhannya, program ini berjaya dianjurkan dengan lancar. Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), Kolej Komuniti Segamat berharap selepas kursus ini, peserta akan dapat memanfaatkan ilmu dan kemahiran yang diperolehi untuk kemajuan kerjaya dan perniagaan masing-masing.

Rakaman aktiviti

Program Jahitan Baju Kebarong
di Kolej Komuniti Segamat



UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

PROGRAM PEMBANGUNAN UPAYA BAKAT KK SEGAMAT : PROGRAM PENGHASILAN SURIMI (SET YONG TAU FU)

Oleh: Salasiah Amin, Norashikin Samah, dan Noreles Ali

1.0 PENGENALAN

Program penghasilan surimi adalah sebuah program khas untuk melatih komuniti dalam penghasilan produk makanan seperti Fish cake, Fish Ball, Nugget, Stuffed Tofu, Fried Wantan, Kuah Hitam Yong Tau Fu dan Kuah Sup Yong Tau Fu. Program ini akan memberi latihan daripada 'zero' bagaimana menghasilkan produk surimi dengan resepi yang hebat dan boleh dikomersialkan. Program ini juga dianjurkan supaya dapat memberi manfaat dalam meningkatkan kemahiran komuniti seterusnya menjadikan kemahiran ini untuk menambah pendapatan.

Program ini telah dilaksanakan pada 28 hingga 29 Mei 2024 bertempat di Bilik Masakan Kolej Komuniti Segamat. Seramai 20 orang peserta dari Daerah Segamat dan terdiri daripada golongan wanita telah menyertai program ini. Antara modul yang diajar sepanjang kursus ialah Penghasilan Surimi, Penghasilan Fish Cake, Penghasilan Fish Ball, Penghasilan Beancurd Roll, Fried Wantan, Kuah Hitam Yong Tau Fu dan Kuah Sup Yong Tau Fu.

2.0 MATLAMAT

Matlamat program ini adalah bertujuan untuk menghasilkan produk berasaskan ikan dengan kualiti yang baik serta memberikan nilai tambah kepada pengusaha makanan YongTau Fu untuk menghasilkan sendiri produk makanan masing-masing dengan standard kebersihan dan kualiti yang tinggi.

3.0 OBJEKTIF

Objektif program ini adalah seperti berikut:

- Membudayakan peningkatan ilmu dan kemahiran kepada komuniti setempat.
- Menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran peserta dalam kursus yang disertai serta dapat dimanfaatkan serta diaplikasikan setelah tamat kursus.
- Menjalinkan hubungan yang erat dalam kalangan warga Kolej Komuniti Segamat dan komuniti setempat.
- Memberi idea dan galakan dalam meningkatkan pendapatan komuniti Setempat.
- Meningkatkan unsur kerjasama dan bahagia dalam kalangan warga Kolej Komuniti Segamat dan komuniti setempat.

PROGRAM PEMBANGUNAN UPAYA BAKAT KK SEGAMAT : PROGRAM PENGHASILAN SURIMI (SET YONG TAU FU)

4.0 IMPAK

Impak program ini dianjurkan adalah:



- Meningkatkan pencapaian KPI KKS bagi enrolmen kursus pendek PSH di KKS
- Menggalakkan dan membudayakan peningkatan kemahiran warga Kolej Komuniti Segamat dan komuniti setempat.
- Menambahkan ilmu pengetahuan serta meningkatkan kemahiran peserta dalam kursus yang disertai.
- Memberi idea dan galakkan dalam meningkatkan pendapatan komuniti setempat.
- Menjalinkan hubungan yang bahagia dan gembira dalam kalangan warga KKS dan komuniti setempat.

5.0 ANALISIS KEBERKESANAN PROGRAM

Berikut merupakan analisis keberkesanan program:



5.1 Pelaksanaan Program

Perkara	Item	Min	Analisis menunjukkan bahawa Item A1 – A6 mendapat skor min yang sangat tinggi . Ini menunjukkan penyampaian penerangan dalam melaksanakan kursus ini amat jelas dan difahami oleh peserta kursus.
Penyampaian isi kandungan mencapai objektif	A1	3	
Cara penyampaian menarik	A2	3	
Kandungan kursus teratur	A3	3	
Tempat kursus sesuai	A4	3	
Penyampaian jelas dan difahami	A5	3	
Masa dan tempoh kursus mencukupi	A6	3	

Analisis keberkesanan program pula menunjukkan bahawa Item B1 –B2 mendapat julat skor min yang sangat rendah . Ini menunjukkan bahawa kursus ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam kursus yang ditawarkan.

5.2 Keberkesanan Program

Perkara	Sebelum		Selepas		Julat
	Item	Min	Item	Min	
Pengetahuan dalam bidang kursus	B1	2	L1	3	1
Kemahiran dalam bidang kursus	B2	2	L2	3	1
Yakin menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari	B3	2	L3	3	1
Membantu peningkatan kerjaya	B4	2	L4	3	1
Membantu memulakan perniagaan	B5	2	L5	3	1
Membantu mengembangkan perniagaan	B6	2	L6	3	1

PROGRAM PEMBANGUNAN UPAYA BAKAT KK SEGAMAT : PROGRAM PENGHASILAN SURIMI (SET YONG TAU FU)

6.0 Penutup

Program Penghasilan Surimi (Set Yong Tau Fu) ini secara keseluruhannya telah berjaya dianjurkan dengan lancar. Peserta menunjukkan komitmen yang tinggi sepanjang kursus dan tenaga pengajar juga tidak jemu mencurahkan ilmu. Semoga program ini memberi manfaat buat semua yang terlibat.



UNIT JAMINAN KUALITI

EZYDOST UJK - EASY DOCUMENT STORAGE UNIT JAMINAN KUALITI

Oleh : Nurazrina Binti Mohammad Faudzi, Fara Ellina Binti Khaidzir, Ts. Nazila Binti Masdor, Zahid Bin Daim, Norhamizah Binti Rusli Dan Salleh Bin Mohd Yusof

Negara Malaysia pernah dilanda bencana penularan virus Covid-19 namun kini negara kita telah melepasi era pandemik. Ketika berlakunya penularan pandemik semua pengoperasian kerja terhenti dan banyak perubahan telah berlaku termasuklah di sektor pendidikan. Ini menjadi titik permulaan kepada penggunaan sumber teknologi maya yang semakin berkembang pesat terutama sekali bagi memudahkan individu mengakses maklumat tanpa mengira sempadan masa dan tempat walaupun hanya dengan menggunakan peranti mudah alih.

Pengurusan dokumen secara atas talian pastinya melibatkan pelbagai jenis pautan berdasarkan keperluan tertentu. Antara kaedah penyebaran pautan dokumen adalah melalui medium rasmi seperti aplikasi telegram dan e-mel. Namun begitu, masalah berlaku apabila terdapat lambakan mesej yang diterima dan kurang pembudayaan penggunaan e-mel di kalangan pensyarah menyebabkan kesukaran untuk mengesan pautan dokumen yang diperlukan. Ini sekaligus menjadi antara punca dokumen tersebut tidak diterima dalam masa yang tepat dan kelewatan pengumpulan dokumen mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

EZYDOST UJK terhasil daripada percambahan idea bersama ahli kumpulan Q-SEG secara *brainstorming* bagi menyelesaikan masalah tersebut. Pemilihan Google sites sebagai salah satu media *website* adalah bersesuaian dalam proses pengurusan dokumen yang sistematik dan boleh diakses dengan cepat. EZYDOST UJK merupakan projek membangunkan satu sistem pengurusan dokumen bagi penyebaran dan penerimaan dokumen secara atas talian sekaligus berfungsi sebagai satu pusat pengumpulan. Projek ini menggunakan aplikasi Google Sites yang dikawal selia oleh Unit Jaminan Kualiti Kolej Komuniti Segamat. EZYDOST UJK ini dimuatkan dengan pelbagai jenis dokumen mengikut kategori berkaitan urusan pengajaran dan pembelajaran (PdP), takwim dan laporan, akreditasi, audit dalaman dan lain-lain.




EZYDOST UJK - EASY DOCUMENT STORAGE UNIT JAMINAN KUALITI

Bagi memastikan pembangunan EZYDOST UJK ini memberikan faedah yang maksimum, satu penilaian ujilari projek selama satu minggu telah dilaksanakan kepada 6 orang pensyarah mewakili setiap program di Kolej Komuniti Segamat. Penambahbaikan yang bersesuaian telah dilakukan hasil dapatan dan pandangan responden. Selepas enam bulan EZYDOST UJK diperkenalkan kepada semua pensyarah, satu kajian untuk melihat tahap penerimaan dan keberkesanan penggunaan platform ini di kalangan pensyarah telah dilaksanakan.

Impak projek ini dapat memudahkan pengedaran dan penerimaan dokumen dalam kalangan pensyarah. Ini sekaligus meningkatkan kaedah capaian dokumen dengan lebih sistematik bagi memenuhi keperluan akreditasi dan audit tertentu. Penggunaan EZYDOST UJK sangat mudah dan mesra pengguna serta tidak melibatkan kos pembangunan, sekadar menggunakan akaun Google rasmi yang sedia ada. Kesimpulannya, EZYDOST UJK merupakan projek inovasi dalam penyampaian pengurusan yang sesuai dikomersialkan bagi institusi pendidikan yang memberi impak kepada kecekapan pengurusan dokumen di sesebuah organisasi.

Projek Ezydost UJK ini selaras dengan:

- a) Pelan Strategik JPPKK 2018-2025 Teras 2 Objektif Strategik A, Inisiatif A4 dan Inisiatif A5



- b) KPI JPPKK Tahun 2024
KPI 6 – Bilangan program ke arah kelestarian tadbir urus jabatan / institusi

EZYDOST UJK - EASY DOCUMENT STORAGE

UNIT JAMINAN KUALITI

KAEDAH PEMILIHAN PROJEK DAN ANALISIS

Pemilihan projek adalah berdasarkan kepada pengumpulan data berikut:

Jadual 1: Bilangan pautan dan masalah mengikut tahun

Tahun	Bilangan pautan dokumen	Masalah mencari pautan
2020	120	10
2021	559	27
2022	465	30

PENYATAAN SASARAN OUTCOME DAN IMPAK

Penghasilan projek disasarkan untuk menyediakan satu sistem yang dapat meningkatkan proses capaian dokumen secara atas talian yang sekaligus dapat memberi penjimatan masa dan meningkatkan produktiviti di kalangan pensyarah. Di samping dapat meningkatkan imej dan pencapaian KPI pengurusan lean.



EZYDOST UJK - EASY DOCUMENT STORAGE UNIT JAMINAN KUALITI

PEMILIHAN PROJEK

Kaedah **Design Thinking** telah digunakan untuk melancarkan proses merekacipta idea yang dicetuskan secara teras dan berfokus. Berikut adalah fasa pelaksanaan yang terlibat.



Rajah *Design Thinking*

PENGHASILAN DAN PENGUJIAN PROTOTAIP

Rajah Masa Pembangunan Prototaip

Rajah masa pembangunan prototaip adalah penting untuk memberikan waktu, dan proses yang terlibat dalam pengembangan prototaip dan dimasukkan dalam rajah masa di bawah.




Rajah Masa Pembangunan Prototaip

EZYDOST UJK - EASY DOCUMENT STORAGE UNIT JAMINAN KUALITI

Penghasilan Rekabentuk

Satu lakaran awal telah dihasilkan bagi menentukan rekabentuk dan susun atur kedudukan pautan dokumen mengikut kategori. Hasil paparan prototaip adalah seperti rajah 21 dan akan diuji lari.



Lakaran awal susun atur paparan utama Prototaip



Hasil Prototaip

Perakuan daripada pihak bertauliah

Perakuan dua institusi pendidikan telah diperolehi bagi Ezydost UJK bagi memperkukan penggunaan projek ini iaitu daripada Kolej Komuniti Batu Pahat dan UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat.



Kolej Komuniti Batu Pahat



UiTM Segamat

EZYDOST UJK - EASY DOCUMENT STORAGE UNIT JAMINAN KUALITI

OUTCOME PROJEK

Pencapaian Outcome Dan Pembuktian

a) Peningkatan Pengurusan Dokumen

Sebanyak 465 bilangan pautan yang dikongsikan pada tahun 2022 bagi memenuhi keperluan tugas sekaligus menyebabkan kekeliruan dan masalah kepada warga kerja untuk mencari pautan dokumen yang diperlukan pada masa tertentu. Penggunaan Ezydost UJK dapat mengumpulkan kesemua pautan berkaitan dokumen UJK di dalam satu sistem. Ini sekaligus meningkatkan pengurusan dokumen yang lebih sistematik dan teratur.



Bilangan Pautan Mengikut Tahun



Pengumpulan Pautan UJK

b) Penjimatan Masa Proses Kerja

Penggunaan Ezydost UJK dapat menjimatkan masa yang diperlukan untuk pencarian pautan dokumen. Berdasarkan penilaian *Matrik Lean Processing Time* selepas menggunakan EZYDOST UJK ialah 30s. Peratus peningkatan ialah 95%

Lembaran Pemerhatian Proses Kerja (Sebelum dan Selepas)

Bil	Proses Kerja	Masa Proses	Proses Kerja	Masa Proses
	Sebelum		Selepas	
1	Menerima arahan tugas	-	Menerima arahan tugas	-
2	Buka Telegram OneKKSegamat	5s	Buka Google atau Telegram OneKKSegamat	5s
3	Mencari tajuk pautan dokumen	300s	Klik googlesite EZYDOST UJK	5s
4	Scroll down telegram untuk mencari pautan	265s	Login emel rasmi kkseg	20s
5	Pautan dokumen diperolehi	10s		
6	Login emel rasmi kkseg	20s		

c) Peningkatan produktiviti

Pengurangan proses dan subproses kerja sebelum dan selepas merujuk kepada carta alir iaitu 6 proses kepada 4 proses iaitu 33.33%.

EZYDOST UJK - EASY DOCUMENT STORAGE UNIT JAMINAN KUALITI

1. IMPAK PROJEK

1. PENILAIAN IMPAK DAN PEMBUKTIAN

Tahap kepuasan terhadap 45 orang pegawai yang melaksanakan soal selidik keberkesanan Ezydost UJK. Dapatan maklum balas soal selidik mendapati keseluruhannya PPPT memberikan skor min keseluruhan sebanyak **4.44 (Tahap Tinggi)** bagi Keberkesanan Ezydost UJK di mana responden bersetuju bahawa pelaksanaan Ezydost UJK dapat menghasilkan sistem penyampaian yang lebih cekap, cepat, mudah dan mesra pengguna.

Jadual 3: Skor Min Keseluruhan Keberkesanan Ezydost UJK

	STS %	TS %	TP %	S %	SS %	Skor Min	Tahap
EZYDOST UJK memberi maklumat yang diperlukan dengan cepat			4.3	42.6	53.2	4.49	Tinggi
EZYDOST UJK memberi maklumat yang diperlukan dengan tepat			8.5	46.8	44.7	4.36	Tinggi
EZYDOST UJK mesra pengguna			6.4	48.9	44.7	4.38	Tinggi
EZYDOST UJK boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja			12.8	29.8	57.4	4.44	Tinggi
EZYDOST UJK membenarkan dokumen tanpa kawalan dimuat turun dengan mudah			12.8	38.3	48.9	4.36	Tinggi
EZYDOST UJK membolehkan dokumen pdp (FRP, FPK, FPA) diakses dengan mudah			8.5	31.9	59.6	4.51	Tinggi
EZYDOST UJK membolehkan saya memuat naik dokumen Salinan Penilaian Pelajar (FPK) dengan mudah			8.5	31.9	59.6	4.51	Tinggi
Skor Min Keseluruhan						4.44	

Jadual 4: Skor Min Keseluruhan Manfaat Ezydost UJK

	STS %	TS %	TP %	S %	SS %	Skor Min	Tahap
EZYDOST UJK mengurangkan penggunaan kertas dan membantu menjaga kepentingan alam sekitar			4.3	29.8	66	4.62	Tinggi
EZYDOST UJK menjimatkan kos mencetak dokumen, penyediaan ruang pemfailan, jimat masa serta tenaga			4.3	36.2	59.6	4.56	Tinggi
EZYDOST UJK menyediakan maklumat yang saya perlukan terutamanya berkaitan pengurusan akademik			4.3	40.4	55.3	4.51	Tinggi
EZYDOST UJK membantu meningkatkan prestasi kerja saya secara keseluruhannya			8.5	36.2	55.3	4.47	Tinggi
Skor Min Keseluruhan						4.54	

PROGRAM SIJIL PENYELENGGARAAN BANGUNAN

SWEEPER 3.0 : INOVASI PENGURUSAN BENGKEL YANG LEBIH SISTEMATIK

Oleh : Nazra binti Ismail

1.0 Tajuk Inovasi

SWEEPER 3.0

2.0 Tujuan

Inovasi ini dibangunkan bagi menghasilkan satu produk yang mampu mengumpul logam – logam kecil seperti skru dan paku yang bertaburan di dalam bengkel, terutama selepas sesi amali pelajar.

3.0 Latar belakang

Sweeper 3.0 merujuk kepada satu alat perkakasan yang direka untuk membersihkan kawasan daripada bahan-bahan logam kecil seperti skru, paku dan jarum. Secara kebiasaannya, pelajar akan menggunakan penyapu biasa untuk membersihkan kawasan bengkel setelah selesai melakukan amali. Bahan seperti skru, paku dan bahan logam lain akan dikutip secara manual untuk mengasingkannya daripada sampah dan memakan masa yang agak lama untuk mengasingkan skru dan paku. Dengan menggunakan Sweeper 3.0 ini, pelajar akan dapat mengutip bahan-bahan logam kecil dalam masa yang cepat, tanpa perlu mengasingkan sisa pepejal yang lain. Ini bagi memudahkan tugas mengutip skru dan paku tanpa perlu banyak pergerakan yang mengganggu ergonomik seseorang.

4.0 Rasional membangunkan inovasi

Inovasi ini dibangunkan bagi meningkatkan tahap pengurusan bengkel di Kolej Komuniti agar lebih sistematik. Aplikasi produk ini di bengkel juga akan mempromosikan Teknologi Hijau dengan mengasingkan sisa pepejal di bengkel dan seterusnya menggalakkan budaya kitar semula.



PROGRAM SIJIL PENYELENGGARAAN BANGUNAN

SWEEPER 3.0 : INOVASI PENGURUSAN BENGKEL YANG LEBIH SISTEMATIK

Oleh : Nazra binti Ismail

5.0 Kaedah pelaksanaan inovasi

Berikut merupakan langkah – langkah pelaksanaan inovasi:

- a) **Penilaian Keperluan**
Melaksanakan analisis untuk mengenalpasti keperluan dan masalah semasa dalam pengurusan bengkel. Melibatkan pensyarah dan pelajar untuk mendapatkan pandangan mereka.
- a) **Perancangan Inovasi:**
Merangka pelan tindakan yang jelas untuk melaksanakan inovasi, termasuk objektif, skop, anggaran kos, sumber, dan tempoh pelaksanaan.
- a) **Pelaksanaan:**
Memulakan pelaksanaan inovasi mengikut perancangan yang telah dirangka. Memastikan setiap langkah pelaksanaan dipantau dengan teliti bersama ahli kumpulan.
- a) **Pemantauan dan Penilaian:**
Mellaksanakan pemantauan secara berkala untuk menilai keberkesanan inovasi tersebut. Menggunakan data yang dikumpulkan untuk menilai prestasi produk yang dibangunkan dan mengenalpasti sebarang masalah dari reka bentuk produk.
- a) **Penyelarasan dan Penambahbaikan:**
Berdasarkan hasil pemantauan, melaksanakan penyelarasan dan penambahbaikan yang diperlukan untuk memastikan inovasi berfungsi dengan baik.
- a) **Dokumentasi dan Pelaporan:**
Membuat dokumentasi setiap langkah pelaksanaan, melaporkan hasil dapatan kajian penggunaan produk.





KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT

No. 24-34, Jalan Putra 1/1, Bandar IOI,
85000 Segamat, Johor



07-9431633



upikkks@kksegamat.mypolycc.edu.my



07-9436075



kksegdihatiku



kolejkomunitisegamat



Kolej Komuniti Segamat



<https://kksegamat.mypolycc.edu.my>